



PEJABAT SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI
TINGKAT 14, 17 & 18
WISMA BAPA MALAYSIA
PETRA JAYA
93502 KUCHING
SARAWAK.

Telefon Am : 082-441957
Kawat : FINANCIAL KUCHING
Teleks : STAFIN MA70023
Fax : 082-311296
082-442355
082-449948



Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : SFS/00021/1 SFS-Circulars(B)
(41)

Tarikh : -9 DEC 2013

Kepada : Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Residen

Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING SETIAUSAHA KEWANGAN NEGERI SARAWAK
No. 8/2013

PENUTUPAN AKAUN AWAM NEGERI 2013 : PERMOHONAN PERUNTUKAN
TAMBAHAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2013

TUJUAN

Tujuan Pekeliling ini adalah untuk mengingatkan semua Pegawai Pengawal, Pemegang Waran dan mana-mana pegawai yang terlibat dengan penyelenggaraan akaun jabatan mengenai permohonan untuk peruntukan tambahan bagi tahun kewangan 2013 selaras dengan penutupan akaun awam negeri tahun 2013.

LATARBELAKANG

Pekeliling ini adalah lanjutan kepada Surat Pekeliling Perbendaharaan **No. PP : 9/2013 bertarih 28 November 2013** yang dikeluarkan oleh Jabatan Perbendaharaan Negeri berhubung Penutupan Akaun Awam Negeri Sarawak Tahun Kewangan 2013.

2. Berkaitan dengan penutupan akaun tahun 2013, pihak tuan adalah diingatkan bahawa selepas **26 Disember 2013 (Khamis), perbelanjaan yang dicaj ke tahun kewangan 2013 akan diproses dibawah Akaun Kena Bayar tahun 2013.**

TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PENGAWAL


3. Oleh yang demikian, pihak tuan adalah diminta untuk memastikan semua akaun di bawah kawalan tuan adalah teratur dan dikemaskini. Untuk perbelanjaan bagi tahun 2013, selaras dengan **Arahan Perbendaharaan 54**, pihak tuan hendaklah memastikan tidak ada perbelanjaan yang melebihi peruntukan. Pihak tuan juga diingatkan mengenai perkara-perkara berikut :

- a) Segala perbelanjaan dan komitmen yang dibuat pada tahun 2013 hendaklah dibayar menggunakan peruntukan yang diluluskan pada tahun 2013.
- b) Perbelanjaan hendaklah tidak melebihi peruntukan yang diluluskan termasuk peruntukan tambahan yang diluluskan iaitu melalui virement dan/atau peruntukan tambahan (*supplementary*).

4. Jika virement atau peruntukan tambahan masih diperlukan atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan, semua "*hard copy*" permohonan untuk peruntukan tambahan hendaklah sampai ke Pejabat Setiausaha Kewangan Negeri **sebelum atau pada 18 Disember 2013 (Rabu) sebelum jam 12.00 tengahari**. Permohonan tambahan sama ada melalui virement atau "*supplementary*" hendaklah mengambil kira semua komitmen dan tuntutan yang telah dibuat dan akan dibuat sehingga 31 Disember 2013.

"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"

"AN HONOUR TO SERVE"

Yang benar,


(DATO SRI AHMAD TARMIZI BIN HAJI SULAIMAN)
Setiausaha Kewangan Negeri,
SARAWAK